

# Cabaran sektor pertanian

Oleh LAUPA JUNUS  
laupajunus@hotmail.com



**M**ALAYSIA bermula dengan sebuah negara pertanian dengan tumpuan kepada tanaman komoditi seperti sawit, getah dan kelapa.

Sejarah negara memang jelas bergantung sektor tanaman komoditi yang kini dikenali sebagai pertanian industri yang dikendalikan bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Malaysia dikenali antara pengeluar terbesar komoditi tersebut sejak dahulu hingga sekarang dan tidak ada masalah timbul mengenainya dari segi teknologi dan ekonomi pengeluarannya.

Namun bagi sektor tanaman makanan yang menjadi tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, banyak perkara perlu dilihat dan diberikan perhatian serius, kerana terdapat banyak kekangan dalam pengeluarannya.

Isunya adalah bagaimana meningkatkan pengeluaran bagi semua subsektor yang melibatkan tanaman dan ternakan.

Ini bermakna pengeluaran yang tidak cukup tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi bagi menampung kekurangan tersebut, oleh itu kerajaan terpaksa mengimport bahan makanan.

Pada 2015 misalnya, import makanan mencecah RM43 bilion dengan defisit atau kekurangan

dalam dagangan (BOT) sebanyak RM18 bilion.

Untuk sumber makanan, hanya produk ayam dan telur yang mampu dikeluarkan melebihi permintaan atau melepasi kadar 100 peratus tahap sara diri (SSL) sedangkan padi sebagai contoh, hanya 72 peratus SSL dapat dipenuhi.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan Malaysia berdepan cabaran bagi meningkatkan pengeluaran makanan menerusi pertanian.

Ketua Kluster Pertanian dan Makanan Majlis

Profesor Negara (MPN), **Prof Dr. Ghizan Saleh** berkata, bahawa, ada antara faktor tersebut adalah faktor biologi, faktor fizikal dan alam sekitar.

Beliau berkata, faktor biologi merangkumi varieti atau baka, iaitu Malaysia masih kekurangan varieti tanaman dan baka

ternakan tempatan yang unggul. Kita masih banyak mengimport varieti dan baka ini dari luar.

Beliau berkata, antara faktor fizikal yang mempengaruhi adalah tanah di negara ini yang kebanyakannya berasid dan ini memerlukan kerja-kerja pengapuran untuk merawatnya sebelum dapat dimanfaatkan untuk tujuan penanaman.

"Ini telah menambahkan kos pengeluaran dan juga merosakkan struktur dan komposisi tanah. Keadaan alam sekitar yang sentiasa berubah dan tidak menentu juga banyak mempengaruhi kestabilan pengeluaran bahan pertanian," ujarnya.

Ketika ini kata beliau, terdapat

**PRODUKTIVITI rendah jika kaedah lama dalam pertanian masih diamalkan.**



kira-kira 7.6 juta hektar tanah yang sesuai untuk pertanian tetapi 70 peratus daripadanya merupakan tanah berasid

Faktor tanah terbiar juga amat penting, iaitu sekarang terdapat sekitar 120,000 hektar (ha) tanah terbiar, dan angka ini meningkat setiap tahun kerana masalah pemegangan tanah yang tidak tukar nama daripada tanah pusaka atau tidak ada kesepakatan dalam keluarga untuk melakukan pembahagian tanah.

Dalam masa sama, keperluan baja dan sistem pengairan akan mengakibatkan kos-kos pertanian akan meningkat.

Menurut Dr Ghizan lagi, faktor yang berkaitan dengan persekitaran banyak memberi impak dan memberi kesan kepada bidang pertanian di negara ini.

Beliau berkata, antaranya, perubahan suhu bumi yang meningkat sehingga 0.2 darjah Celsius dalam tempoh tiap 10 tahun, akan mengakibatkan dijangka suhu naik sebanyak dua darjah Celsius pada tahun 2100.

Kenaikan suhu ini akan menyebabkan terjejasnya kehidupan tanaman dan ternakan yang banyak bergantung pada suhu sebagai faktor kehidupan.

Masalah pemanasan global ini juga akan menyebabkan kenaikan paras air laut dan sungai melimpah menyebabkan kawasan

pertanian rosak akibat limpahan air masin.

Masalah kerosakan akibat banjir boleh mencecah sehingga berbilion-bilion ringgit.

Sebagai contoh bencana banjir di Thailand pada tahun 2011 telah menyebabkan kerugian pertanian sebanyak RM40 bilion manakala di Aceh, Sumatera semasa kejadian tsunami pada 2004 menyebabkan kerugian RM16 bilion kepada industri pertanian.

Menurut Ghizan lagi, kejadian kemarau dan banjir di negara kadangkala mencecah RM50 juta setahun.

Masalah seterusnya adalah kekurangan tenaga buruh menyebabkan industri pertanian terpaksa bergantung kepada 80 peratus buruh asing.

Ketika ini, sektor pertanian makanan tempatan terlalu bercirikan buruh intensif sedangkan rakyat tempatan lebih berminat kepada pekerja di bawah pendingin hawa.

Faktor teknologi juga kata Dr. Ghizan menjadi masalah yang tidak kurang pentingnya dan menjadi ancaman dalam usaha pembedaan pertanian.

"Teknologi kita banyak, tetapi banyak juga yang kurang sesuai kerana kurang diadaptasikan," ujar beliau.

Contohnya teknologi rumah kaca di negara Barat dimanfaatkan untuk mengelak cuaca sejuk, manakala suasana

**PENGGUNAAN** jentera moden mentransformasikan sektor pertanian.

di negara kita berbeza dan memerlukan rumah kaca tidak mengakibatkan suhu yang terlalu panas di dalamnya.

Penghasilan teknologi untuk membantu memodenkan sektor pertanian kurang berjaya kerana tidak sampai kepada pengguna menerusi pemindahan teknologi.

Peranan ini wajar dimainkan oleh jabatan dan kementerian tertentu yang terlibat.

Faktor ekonomi juga penting kerana ia berkait dengan cara memasarkan hasil pertanian

Sebagai contoh kata Dr. Ghizan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu berusaha lebih dalam memberikan jaminan harga yang stabil kepada pengusaha, bagi memastikan petani mempunyai saluran pemasaran yang melindungi mereka.

Jika tidak, mungkin satu sistem insentif harga seperti padi juga perlu diwujudkan untuk tanaman-tanaman lain yang kritikal, seperti jagung bijian untuk ternakan ayam dan beberapa sayuran terpilih.

Beliau juga menyentuh mengenai isu keselamatan makanan yang memerlukan kerajaan memantapkan jaminan bekalan bagi mengelakkan berlakunya krisis seperti yang pernah berlaku pada 2008.

Stok penimbal makanan

utama, seperti beras perlu dimantapkan, dan setakat ini untuk beras, ia sudah meningkat dari 30 hari kepada 45 hari. Ini bermakna, jika tidak ada pengeluaran atau import beras, Malaysia boleh bertahan tanpa bekalan ini selama tempoh tersebut.

"Adalah dicadangkan agar sistem stok penimbal seumpama ini juga diwujudkan untuk jagung bijian yang merupakan makanan penting untuk ayam ternakan," katanya.

Malaysia juga katanya berdepan dengan isu kenaikan harga makanan terutama padi, gandum, jagung dan kacang soya.

Terdapat beberapa isu yang menghambat sektor pertanian makanan iaitu kenaikan harga seperti mana yang berlaku ketika krisis dahulu (2007/2008) yang mencatatkan kenaikan antara 125 hingga 150 peratus.

Kenaikan harga makanan seperti jagung juga antara lain disebabkan oleh polisi kerajaan negara luar yang menggunakan bahan makanan seperti jagung diproses menjadi bahan bakar bio (biofuel).



**MODUL** melaksanakan program pertanian dalam bandar yang kian popular. **GAMBAR IHHASAN**



**MARDI** memperkenalkan pertanian vertikal atau tanpa tanah.

